

Ekstradisi dimohon jika ada kes jenayah: PM

BH 10 JAN 2002

PUTRAJAYA, 9 Jan — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, Malaysia akan hanya memohon membawa pulang rakyatnya yang ditahan di negara asing untuk dibiarkan jika ia membabitkan kes jenayah.

Perdana Menteri berkata, permohonan ekstradisi seperti itu biasanya tidak dibuat untuk kes lain selain daripada kesalahan berbentuk jenayah.

“Ekstradisi biasanya dibuat bagi kes jenayah. Untuk kes lain, kita tak minta diekstradisi,” kata-

nya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri majlis sambutan hari raya Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas penahanan rakyat Malaysia, Faiz Abu Bakar Bafana, 39, bersama 14 orang lagi oleh pihak berkuasa Singapura antara 9 hingga 24 Disember lalu kerana disyaki terbabit dalam kegiatan berunsur penggan-

nas. Kementerian Dalam Negeri Singapura memaklumkan bahawa beberapa

orang daripada mereka yang ditahan pernah menjalani latihan jangka pendek di kem al-Qaeda di Afghanistan.

Faiz, adalah seorang ahli perniagaan dari Gombak yang turut disyaki merancang melakukan pengeboman ke atas beberapa sasaran di Malaysia. Dia juga dikatakan pernah membeli kira-kira empat tan baja Ammonium Nitrate bagi membuat bahan letupan.

Isnin lalu, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidin Zin, berkata kerajaan mungkin

mengekstradisi Faiz bertujuan membantu siasatan kegiatan Kumpulan Militan Malaysia (KMM).

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, Malaysia ingin mengetahui lebih lanjut apakah tuduhan yang bakal dikenakan oleh pihak berkuasa Singapura ke atas mereka terbabit, sebelum mengambil sebarang tindakan.

“Hanya apabila siasatan mengesahkan dia (Faiz) terbabit dalam kes jenayah, barulah kerajaan akan memohon agar dia diekstradisi,” katanya.

Ketika diminta mengulas peletakan jawatan Datuk N Parameswaran sebagai Ketua Staf Pentadbiran Peralihan Bangsa-Bangsa Bersatu di Timor Timur (Untaet), Dr Mahathir berkata beliau perlu mengkaji kenapa diplomat Malaysia itu bkrtinghak demikian.

“Saya ingin tahu apa yang dinyatakan dalam laporannya,” katanya.

Parameswaran mendakwa wujud campur tangan pihak atasan Untaet dan pelaksanaan berdasarkan standard Barat dalam misi badan itu. Peletakan jawa-

tannya itu berkuat kuasa Ahad lalu.

Dalam suratnya kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan, Parameswaran turut menamakan seorang pegawai kanan Untaet yang melanggar bidang kuasa dan tanggungjawabnya.

Semalam, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar meminta PBB memberi perhatian dan mengadakan siasatan terhadap dakwaan itu supaya tindakan pembetulan dapat diambil.